

agama bagi sesuatu maksud yang tidak ditujukan kepada arah Allah S.W.T. (kerana Allah) tidak akan bermanfaat baik yang menggunakan atau pun bagi orang yang terpikat olehnya bahkan akan merosakkan dirinya sendiri seperti api membakar orang yang mempermain-mainkannya.

Bagi manusia Indonesia hendaklah menjadi pengajaran bahawa keengganan menerima kebenaran itu menerima buah fikiran yang sihat bermakna memenangkan hawa nafsu terhadap kepada fikiran yang sihat. Akibat seterusnya seperti yang telah dirasa oleh manusia dunia ialah timbulnya sifat sombong terhadap kepada ketentuan-ketentuan dan sempadan-sempadan yang telah diletakkan oleh Allah Subhanau Wa Taala. Sifat yang demikian ini telah mendorong manusia mencari kemenangan sesama mereka yang dengan khilaf dipandang sebagai musuh. Sudah tentu kemahuan mendapatkan kemenangan demikian itu akan dibalas oleh pihak lain dengan kemahuan yang sama.

Kita harus menggunakan ajaran yang pernah dibentangkan oleh Nabi Muhammad (SAW) : “*Al-insan ikhwa al-insan uhni au kuraha*” - maksudnya – “manusia sesama manusia itu bersaudara, baik ia suka ataupun ia benci”. Tiap-tiap seorang hendaklah memandang tidak ada orang yang merupakan musuh. Yang demikian ini tidak bermakna bahawa manusia harus menyerah sahaja kepada perbuatan dan kelakuan orang lain dengan semahu-mahunya perbuatan yang demikian hendaklah diperbaiki dengan kebijaksanaan. Hanya pandangan dan pertentangan yang telah mengubah manusia menjadi serigala kecil dan sebangsanya itu janganlah digunakan.

Akhirnya hendaklah diingat menurut bawaan manusia tak boleh hidup dengan tidak mempunyai agama atau kepercayaan. Yang demikian ini terbukti dalam bangkitan orang Perancis yang berlaku atas seorang pendita. Ia telah tertarik dengan dakyah-dakyah anti Tuhan yang dihebahkan oleh penganjur-penganjur pada masa itu. Ketika telah masuk betul di dalam hatinya bahawa Tuhan itu sebenarnya tidak ada dan agama itu adalah perkataan yang kosong jua maka ia pun mula bergerak membersihkan bilik kerjanya daripada gambar-gambar dan patung-patung salib, tetapi kejadian itu tidak lama kerana setelah

tempat-tempat gambar dan patung tadi kosong maka hati pendita itu pun menjadi kosong pula dan akhirnya ia mencari gambar dan patung-patung pemimpin kebangkitan Perancis seperti Danton dan lain-lainnya bagi digantung di bekas tempat gambar-gambar dan patung-patung salib tadi.

Dengan ini nyatalah bahawa orang yang meninggalkan (membuang) agama dan menamakan dirinya tidak beragama itu pada hakikatnya bukanlah membuang agama jika menggantikan agamanya yang lama dengan yang baru yang namanya agama tidak beragama.

Penyudahnya saya menyeru kepada manusia Indonesia khasnya hendaklah saudara menjadi orang yang sesungguhnya beragama menjalankan perintah-perintahNya dan menjauhi larangan-laranganNya dengan masing-masing mengikut kepercayaan dan keyakinan.

---

## ISTERI

---

Ingatan baik sedia terpeta

<b>I</b>	Apa yang patut boleh dipinta Apa sebaliknya jangan dicita Itulah perangai penyokong lata Setia ke suami sentiasa tergalas	<b>I</b>
<b>S</b>	Segala pekerjaan hendaklah jelas Sekali-kali jangan culas Serta jauhkan fil pemalas Tumpukan kasih ke suami tepat	<b>S</b>
<b>T</b>	Tenangkan suami di sekalian tempat Tutup rahsianya hingga rapat Tunjang kesenangan kamu mendapat . Runtunan cecita hendaklah disabar	<b>T</b>
<b>R</b>	Ratakan kehormatan ke mertua dan ipar Rancangan yang molek jangan digubar Rasa tak sedap perlahan dipapar . Yakin ke suami kekal di hati.	<b>R</b>
<b>Y</b>	Yang mana elok itulah didekati Yang buruk jauhkan hingga ke mati Yang benar agama itulah turuti.	<b>Y</b>

Harun. D.L. Singapura.